

- Antara yang berikut, manakah pengguna luaran penyata kewangan?
  - Audit dalaman
  - Pihak bank
  - Pekerja
  - Pemilik
- Apakah tujuan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) ditubuhkan?
  - Mengendali latihan dan peperiksaan bagi profesion perakaunan
  - Menyediakan laporan kewangan untuk sesebuah perniagaan
  - Menentukan skop dan penggunaan piawaian perakaunan
  - Melatih akauntan dan juru audit bertauliah
- Butir yang manakah merupakan belanja bukan operasi bagi sebuah kedai jahit?
  - Insurans
  - Sewa kedai
  - Belian alatan jahitan
  - Rugi pelupusan mesin jahit

- Antara yang berikut, klasifikasi akaun manakah yang betul?

|            | <b>Aset Semasa</b>   | <b>Aset Bukan Semasa</b>   |
|------------|----------------------|----------------------------|
| <b>I</b>   | Insurans prabayar    | Alat tulis                 |
| <b>II</b>  | Tunai                | Alatan pejabat             |
| <b>III</b> | Komisen belum terima | Mesin fotostat             |
| <b>IV</b>  | Deposit diterima     | Susut nilai mesin fotostat |

- I dan III
  - I dan IV
  - II dan III
  - II dan IV
- Urus niaga berikut diperoleh daripada Rasyiqah Enterprise.

Menjelaskan hutang Perniagaan Fazeera dengan cek sebanyak RM2 700 dan menerima diskaun sebanyak RM150

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

|          | <b>Aset</b> | <b>Ekuiti Pemilik</b> | <b>Liabiliti</b> |
|----------|-------------|-----------------------|------------------|
| <b>A</b> | (RM2 700)   | (RM150)               | (RM2 700)        |
| <b>B</b> | +RM2 700    | +RM150                | +RM2 700         |
| <b>C</b> | (RM2 700)   | +RM150                | (RM2 850)        |
| <b>D</b> | +RM2 700    | (RM150)               | (RM2 850)        |

- Dokumen apakah yang tidak dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli?
  - Resit
  - Nota Kredit
  - Pesanan Belian
  - Penyata Akaun

7. Antara berikut, manakah dokumen yang melibatkan perekodan urus niaga di sebelah kredit Buku Tunai?

- I Nota kredit
- II Keratan cek
- III Makluman kredit
- IV Baucar pembayaran

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

8. Jurnal Am berikut diperoleh daripada Kedai Shuhaimy.

**Jurnal Am**

| Tarikh         | Butir                     | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|----------------|---------------------------|------------|-------------|
| 2025<br>Apr 21 | Perabot<br>Modal<br>( X ) | 1 300      | 1 300       |

Apakah keterangan yang sesuai dengan X?

- A Membeli rak pameran secara tunai
- B Menjual rak pameran secara kredit
- C Membeli rak pameran secara kredit
- D Pemilik membawa masuk rak pameran untuk kegunaan perniagaan

9. Berikut adalah petikan Buku Tunai Runcit Zareen Trading bagi bulan Jun 2025 dengan dana runcit sebanyak RM350.

| Tarikh<br>2025 | Analisis Pembayaran |            |         |                 |
|----------------|---------------------|------------|---------|-----------------|
|                | Pos                 | Alat tulis | Tambang | Belanja pejabat |
| Jun 3          | 27                  |            |         |                 |
| 5              | 18                  |            | 15      |                 |
| 7              |                     |            | 45      |                 |
| 15             |                     | 30         |         |                 |
| 18             |                     |            |         | 65              |
| 21             |                     | 15         |         |                 |
| 24             |                     | 10         |         |                 |
| 30             | 12                  |            |         |                 |

Hitung jumlah bayaran balik yang dituntut pada 30 Jun 2025.

- A RM113
- B RM128
- C RM172
- D RM237

10. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Perabot Sinar.

Perniagaan Perabot Sinar menjual 5 set sofa secara kredit kepada Kedai Harmoni sebanyak RM9 000

Buku catatan pertama manakah yang digunakan untuk merekodkan urus niaga tersebut?

- A** Jurnal Am
- B** Jurnal Belian
- C** Jurnal Jualan
- D** Jurnal Penerimaan Tunai

11. Antara yang berikut, pasangan manakah merupakan akaun nyata?

|          | <b>Akaun P</b>       | <b>Akaun Q</b>         |
|----------|----------------------|------------------------|
| <b>A</b> | Akaun Modal          | Akaun Komisen diterima |
| <b>B</b> | Akaun Kadar bayaran  | Akaun Lengkapan        |
| <b>C</b> | Akaun Perabot        | Akaun belum bayar      |
| <b>D</b> | Akaun Alatan pejabat | Akaun Inventori        |

12. Maklumat di bawah diperoleh daripada buku perakaunan Butik Dian pada 30 April 2025:

|                                            | <b>RM</b> |
|--------------------------------------------|-----------|
| Baki Akaun belum terima pada 1 April 2025  | 6 370     |
| Baki Akaun belum terima pada 30 April 2025 | 4 350     |
| Cek diterima daripada Akaun belum terima   | 5 300     |
| Diskaun diberi                             | 120       |
| Jualan tunai                               | 2 300     |
| Hutang lapuk terpulih                      | 300       |

Hitung jumlah jualan Butik Dian pada bulan April 2025.

- A** RM3 400
- B** RM5 400
- C** RM5 700
- D** RM6 000

13. Catatan bergu manakah yang betul untuk merekod pulangan belian barang niaga?

|          | <b>Debit</b>          | <b>Kredit</b>         |
|----------|-----------------------|-----------------------|
| <b>A</b> | Akaun belum bayar     | Akaun Belian          |
| <b>B</b> | Akaun belum bayar     | Akaun Pulangan belian |
| <b>C</b> | Akaun Belian          | Akaun belum bayar     |
| <b>D</b> | Akaun Pulangan belian | Akaun Belian          |

14. Antara berikut, manakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga?

|            | <b>Butir</b>    | <b>Debit (RM)</b> | <b>Kredit (RM)</b> |
|------------|-----------------|-------------------|--------------------|
| <b>I</b>   | Perabot         | 7 320             |                    |
| <b>II</b>  | Angkutan keluar |                   | 230                |
| <b>III</b> | Pulangan belian | 410               |                    |
| <b>IV</b>  | Diskaun diberi  | 175               |                    |

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Maryam Enterprise yang menjalankan perniagaan barang runcit mempunyai 4 jenis barang niaga yang belum dijual pada 31 Mac 2025. Maklumat harga kos dan harga pasaran bagi setiap jenis barang niaga tersebut adalah seperti berikut:

| Barang | Harga Kos (RM) | Harga Pasaran (RM) |
|--------|----------------|--------------------|
| D      | 2 000          | 1 770              |
| E      | 7 000          | 8 500              |
| F      | 7 200          | 5 300              |
| G      | 1 620          | 2 410              |

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM15 690
  - B RM17 820
  - C RM17 980
  - D RM35 800
16. Antara berikut, manakah item yang diambil kira dalam pengiraan modal kerja?
- A Lengkapan
  - B Gadai janji
  - C Inventori awal
  - D Overdraf bank

17. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Surya Maju pada 31 Mei 2025.

|                 | RM     |
|-----------------|--------|
| Inventori awal  | 12 430 |
| Inventori akhir | 13 175 |
| Belian          | 36 700 |
| Pulangan masuk  | 560    |
| Duti belian     | 320    |

Hitung kos jualan

- A RM35 075
  - B RM35 715
  - C RM35 955
  - D RM36 275
18. Antara berikut, butir manakah yang menambahkan kos belian?
- A Jualan
  - B Sewa kedai
  - C Duti import
  - D Angkutan keluar

19. Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Fayyad.

| Imbangan Duga pada 31 Disember 2024 (Petikan) |            |             |
|-----------------------------------------------|------------|-------------|
| Butir                                         | Debit (RM) | Kredit (RM) |
| Akaun belum terima                            | 15 890     |             |
| Peruntukan hutang ragu                        |            | 355         |

**Maklumat tambahan:**

Nota kredit yang dihantar kepada seorang penghutang berjumlah RM690 belum direkodkan. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 3% atas Akaun belum terima bersih.

Pilih komponen dan amaun yang betul bagi Hutang Ragu dalam Akaun Untung Rugi.

- A Belanja RM101
  - B Belanja RM456
  - C Hasil RM101
  - D Hasil RM456
20. Antara berikut, manakah bukan sebab suatu aset bukan semasa dilupuskan?
- A Keusangan
  - B Peredaran masa
  - C Mempunyai nilai ekonomi
  - D Berteknologi konvensional
21. Pada 1 Januari 2024, Wawasan Indah Enterprise mempunyai baki alat tulis sebanyak RM120 dan membeli alat tulis bernilai RM470 pada tahun 2024. Pada 31 Disember 2024, sebanyak RM250 alat tulis masih belum digunakan.

Pilih catatan yang betul dalam penyata kewangan bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2024.

|   | Akaun Untung Rugi | Penyata Kedudukan Kewangan |
|---|-------------------|----------------------------|
| A | Alat tulis RM590  | Inventori alat tulis RM470 |
| B | Alat tulis RM470  | Inventori alat tulis RM370 |
| C | Alat tulis RM470  | Inventori alat tulis RM250 |
| D | Alat tulis RM340  | Inventori alat tulis RM250 |

22. Antara berikut, kesilapan manakah yang tidak akan memberi kesan terhadap keseimbangan dalam Imbangan Duga?
- A Kesilapan terbalik
  - B Kesilapan menghitung
  - C Kesilapan merekod pada satu akaun sahaja
  - D Kesilapan merekod amaun di bahagian yang sama



23. Maklumat berikut telah dikesan dalam buku perniagaan Fresh Mart Enterprise.

Pulangan jualan RM675 telah didebitkan dalam Akaun Pulangan belian.

Catatan dalam jurnal am manakah yang betul bagi membetulkan kesilapan tersebut?

**A**

| JURNAL AM             |            |             |
|-----------------------|------------|-------------|
| Butir                 | Debit (RM) | Kredit (RM) |
| Akaun Pulangan jualan | 675        |             |
| Akaun Pulangan belian |            | 675         |

**B**

| JURNAL AM             |            |             |
|-----------------------|------------|-------------|
| Butir                 | Debit (RM) | Kredit (RM) |
| Akaun Pulangan belian | 675        |             |
| Akaun Pulangan jualan |            | 675         |

**C**

| JURNAL AM             |            |             |
|-----------------------|------------|-------------|
| Butir                 | Debit (RM) | Kredit (RM) |
| Akaun Pulangan jualan | 1 350      |             |
| Akaun Pulangan belian |            | 1 350       |

**D**

| JURNAL AM             |            |             |
|-----------------------|------------|-------------|
| Butir                 | Debit (RM) | Kredit (RM) |
| Akaun Pulangan belian | 1 350      |             |
| Akaun Pulangan jualan |            | 1 350       |

24. Antara yang berikut, manakah merupakan nisbah keberuntungan?

- I Tokokan
- II Nisbah semasa
- III Margin untung kasar
- IV Tempoh kutipan hutang

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

25. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Nisrina pada 31 Julai 2025.

|                          | RM     |
|--------------------------|--------|
| Kenderaan                | 97 500 |
| Inventori                | 26 750 |
| Akaun belum terima       | 8 540  |
| Akaun belum bayar        | 12 910 |
| Overdraf bank            | 1 500  |
| Sewa prabayar            | 2 400  |
| Komisen belum terperoleh | 800    |

Berapakah nisbah semasa Perniagaan Nisrina?

- A 8.88 : 1
- B 2.85 : 1
- C 2.67 : 1
- D 2.48 : 1

26. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Zahir dan Perniagaan Jasmeen bagi tahun berakhir 30 Jun 2025.

|                              | Perniagaan Zahir | Perniagaan Jasmeen |
|------------------------------|------------------|--------------------|
| Kadar Pusing Ganti Inventori | 3 kali           | 4 kali             |

Antara berikut, pernyataan manakah yang benar tentang pengurusan inventori kedua-dua perniagaan tersebut?

- I Perniagaan Jasmeen sentiasa menjual inventori baru berbanding Perniagaan Zahir.
- II Perniagaan Jasmeen kurang cekap menguruskan inventornya berbanding Perniagaan Zahir.
- III Perniagaan Jasmeen menukar inventornya setiap 4 bulan sekali manakala Perniagaan Zahir menukar inventornya 3 bulan sekali
- IV Perniagaan Jasmeen menukar inventornya setiap 3 bulan sekali manakala Perniagaan Zahir menukar inventornya 4 bulan sekali

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

27. Antara berikut, manakah yang menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?

- I Mengamalkan sistem catatan bergu
- II Catatan urus niaga yang tidak dibuat langsung
- III Rekod-rekod perakaunan yang musnah atau hilang
- IV Dokumen sumber urus niaga disimpan secara sistematik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28. Maklumat berikut diperoleh daripada AZ Trading yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

| Penyata Mengira Modal pada 1 Julai 2025 |           |
|-----------------------------------------|-----------|
|                                         | <b>RM</b> |
| <b>X</b>                                | 47 208    |
| Tolak : <b>Y</b>                        | 21 953    |
|                                         | 25 255    |

Apakah butir **X** dan **Y**?

- A** Aset semasa dan Liabiliti semasa
- B** Modal akhir dan Modal awal
- C** Hasil dan Belanja
- D** Aset dan Liabiliti

29. Penyataan berikut adalah langkah-langkah penyediaan penyata penyesuaian bank.

- I** Membuat perbandingan butiran sebelah kredit di Buku Tunai dengan butiran sebelah debit di Penyata Bank
- II** Sediakan Penyata Penyesuaian Bank mengikut kaedah dengan mengemas kini Buku Tunai atau tanpa mengemas kini Buku Tunai
- III** Tentukan sama ada terdapat kesilapan catatan di Buku Tunai bagi transaksi yang sama.
- IV** Membuat perbandingan butiran sebelah debit di Buku Tunai dengan butiran sebelah kredit di Penyata Bank
- V** Membuat perbandingan baki akhir Buku Tunai dengan baki akhir Penyata Bank
- VI** Lihat maklumat tambahan sekiranya terdapat cek tak laku.

Pilih susunan langkah-langkah penyediaan penyata penyesuaian bank mengikut turutan yang betul.

- A** V, IV, I, VI, III dan II
- B** V, IV, I, III, VI dan II
- C** VI, V, IV, I, III dan II
- D** III, IV, I, V, VI dan II

30. Antara berikut, yang manakah bukan kepentingan penyediaan Belanjawan Tunai?

- A** Mengenalpasti kecairan tunai
- B** Rujukan untuk permohonan pinjaman
- C** Mengenalpasti ketepatan catatan di Buku Tunai
- D** Mencari sumber tambahan untuk menampung kekurangan tunai

31. Apakah tafsiran bagi **“Pembayaran sebenar adalah memuaskan berbanding dengan pembayaran yang dibelanjawankan”**

- A** Pembayaran sebenar melebihi pembayaran dalam belanjawan
- B** Pembayaran sebenar kurang daripada pembayaran dalam belanjawan
- C** Pembayaran sebenar sama dengan pembayaran dalam belanjawan
- D** Pembayaran dalam belanjawan kurang daripada pembayaran sebenar

32. Maklumat berikut diperoleh daripada Sue dan Rina Home Decor pada 31 Mac 2025.

|                     | <b>RM</b> |
|---------------------|-----------|
| Untung bersih       | 47 250    |
| Faedah atas modal   | 5 000     |
| Faedah atas ambilan | 900       |

## PPC 2025 - P. PINANG

Berapakah kongsi untung setiap pekongsi Sue dan Rina jika untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah 3 : 2?

|          | <b>Sue</b> | <b>Rina</b> |
|----------|------------|-------------|
| <b>A</b> | RM17 260   | RM25 890    |
| <b>B</b> | RM21 575   | RM21 575    |
| <b>C</b> | RM30 810   | RM20 540    |
| <b>D</b> | RM25 890   | RM17 260    |

33. Antara berikut, yang manakah sebab pembubaran perkongsian?

- I** Pekongsi membawa masuk modal tambahan
- II** Pertukaran entiti perniagaan kepada syarikat
- III** Berlaku muflis kepada salah seorang pekongsi
- IV** Salah seorang pekongsi mendapat kerugian daripada perkongsian

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

34. Apakah dokumen yang mengandungi maklumat berkaitan penubuhan dan pengurusan syarikat?

- A** Perlembagaan Syarikat
- B** Notis Pemerbadanan
- C** Notis Penubuhan
- D** Ikatan Perjanjian

35. Syarikat Jaya Berhad menerbitkan 500 000 unit Syer Biasa pada nilai RM1.50 sesyer dan 250 000 unit 8% Syer Keutamaan pada nilai RM2.50 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Hitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syarikat Jaya Berhad.

- A** RM625 000
- B** RM750 000
- C** RM1 375 000
- D** RM1 625 000

36. Berikut adalah maklumat Syarikat Gemilang Berhad pada 31 Disember 2024.

|                                       | <b>RM</b> |
|---------------------------------------|-----------|
| Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh: |           |
| 200 000 unit 8% syer keutamaan        | 400 000   |
| 400 000 unit syer biasa               | 400 000   |

Lembaga pengarah telah mengisytiharkan 10% dividen syer biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Hitung jumlah dividen

- A RM32 000
- B RM40 000
- C RM72 000
- D RM80 000

37. Apakah sumber pendapatan utama bagi kelab dan persatuan?

- A Yuran masuk
- B Yuran keahlian
- C Yuran pendaftaran
- D Yuran pertandingan

38. Antara berikut, yang manakah istilah penyata kewangan bagi Kelab dan Persatuan dan organisasi perniagaan yang betul.

|   | Kelab dan Persatuan               | Organisasi perniagaan      |
|---|-----------------------------------|----------------------------|
| A | Kurangan pendapatan               | Rugi bersih                |
| B | Lebih pendapatan                  | Untung kasar               |
| C | Dana terkumpul                    | Penyata Kedudukan Kewangan |
| D | Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan | Buku Tunai                 |

39. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kilang Kain Prima, sebuah kilang yang mengeluarkan pakaian wanita di Seberang Prai, Pulau Pinang.

|                                            | RM      |
|--------------------------------------------|---------|
| Inventori bahan langsung pada 1 Julai 2024 | 208 650 |
| Inventori bahan langsung pada 30 Jun 2025  | 186 430 |
| Belian bahan langsung                      | 545 800 |
| Pulangan belian bahan langsung             | 19 740  |

Berapakah kos bahan langsung yang direkodkan dalam Akaun Pengeluaran?

- A RM543 320
- B RM548 280
- C RM587 760
- D RM921 140

40. Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Sos Bagus.

|                     | RM     |
|---------------------|--------|
| Kos tetap           | 27 875 |
| Kos berubah seunit  | 3.00   |
| Harga jualan seunit | 6.50   |

Hitung unit jualan untuk memperoleh sasaran keuntungan sebanyak RM15 000

- A 2 308 unit
- B 3 983 unit
- C 7 965 unit
- D 12 250 unit